

Penulisan pertama Sesi Disember 2019
Hak cipta unit KAWANs

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini, dalam apa bentuk atau apa cara sekalipun, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan cara elektronik, gambar, rakaman, media dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada unit KAWANs terlebih dahulu.

Pereka susunatur : IZWAN BIN ABDUL GHAFAR

RUMAH TERATAK ZAINAB Negeri Sembilan / Editor : RUSLINDA ABDULLAH | NOR HASLINAWATI MOHD SAAD |
NIK HASNIRA NIK PA | NURSOLEHAH BINTI ZABIDI

Diterbitkan oleh :
Unit Kajian Alam Warisan Negeri Sembilan (KAWANs)
Jabatan Kejuruteraan Awam
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai
71050 Si Rusa
Port Dickson
Negeri Sembilan
Malaysia

Tel : +606 6622042
Fax : +606 6622026



ABSTRAK

RUMAH TERATAK HAJAH ZAINAB merupakan bangunan seni bina warisan yang terletak di Kampung Juasseh Tengah, Juasseh, Negeri Sembilan. Tujuan pemilihan rumah tradisional melayu ini adalah untuk menjalankan kajian Projek Lukisan Terukur Politeknik Port Dickson dengan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang rumah tersebut.

Objektif projek lukisan terukur ini dijalankan adalah untuk mewujudkan keselarasan dalam pengendalian projek lukisan terukur, Diploma Seni Bina di Politeknik Port Dickson serta menjelaskan proses kerja dan tanggungjawab pelaksanaan projek.

Medotologi yang digunakan adalah kerja menganalisa sejarah awal bangunan bagi mengukuhkan lagi maklumat. Di samping itu, sesi temu bual adalah cara yang telah digunakan dalam proses pengumpulan data/maklumat yang terperinci serta mendapatkan keterangan secara lisan daripada pewaris rumah mahupun ahli keluarga.

Antara alat-alat yang digunakan sepanjang pelaksanaan projek ini adalah pita pengukur, pembaris skala, kelengkapan alat tulis, digital kamera, tangga, komputer riba dan helaian kertas serta maklumat awal bagi bangunan yang dikaji. Segala peralatan tambahan digunakan untuk melengkapi segala proses semasa membuat kerja.

Proses mendapatkan maklumat telah melalui pelbagai medotologi, kajian sejarah dan latar belakang serta maklumat daripada komuniti setempat. Sebagai contoh, nama asal tapak kajian dan suku-suku yang terdapat pada kawasan kajian, sejarah rumah warisan termasuklah salah-silah keluarga bangunan kajian. Dari segi struktur pula, kayu seraya, penak dan resak banyak digunakan sebagai bahan utama dalam pembinaan rumah warisan.

Kajian yang dijalankan jelas menunjukkan rumah tersebut mempunyai nilai sejarah yang perlu dipelihara.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan sepenuh kesyukuran ke hadrat ilahi atas limpah kurnianya kami dapat menyelesaikan buku meja kopi lukisan terukur ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Juriah Mat Zain Binti Abdullah, Haji Abdul Malik Bin Abdul Manap dan isterinya Hajah Rabiah Binti Abdul Kassim kerana memberi kebenaran serta kerjasama kepada kami untuk menjayakan kajian Rumah Teratak Hajah Zainab.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah kami yang sentiasa mendorong dan memberi tunjuk ajar kepada kami serta semangat yang jitu untuk melaksanakan projek akhir bagi DCA 6163 lukisan terukur.



01 | JUASSEH

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Juasseh yang merupakan tapak lokasi Kajian Rumah Teratak Hajah Zainab



02 | SEJARAH RUMAH WARISAN

Sejarah rumah yang merangkumi asal usul rumah, tahun dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini



03 | REKA BENTUK RUMAH WARISAN

Sejarah rumah yang merangkumi asal usul rumah, tahun dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini



04 | RUANG & FUNGSI

Bahagian ini menerangkan tentang ruang serta fungsi di setiap bahagian rumah yang memiliki maksud serta kegunaan yang tersendiri



05 | ELEMEN & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang elemen rumah yang mempunyai corak dan gaya yang unik serta struktur yang digunakan untuk mengekalkan struktur rumah ini



06 | BUMBUNG & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang struktur bumbung pada rumah Teratak Hajah Zainab yang memberi keunikan pada rumah tersebut



07 | ORNAMENTASI & KERAWANG

Kerawang dan ornamentasi pada rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri yang unik serta kehalusan seni yang mempunyai maksud tersendiri




08 | KESIMPULAN & RUJUKAN

JUASSEH

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal usul rumah, tahun, dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini

SEJARAH JUASSEH



Pelan kunci Juasseh, Negeri Sembilan

Haji Abdul Malik telah memberi penerangan tentang kewujudan kawasan Juasseh iaitu pada mulanya terdapat sekumpulan peneroka datang ke suatu tempat yang berhutan dan tidak bernama. Setelah kawasan tersebut telah mereka terokai, maka wujudnya kawasan pertama yang diberi nama Juasseh Pusat. Kawasan tersebut telah mula membangun dengan adanya sebuah sekolah iaitu Sekolah Juasseh Pusat.



*Gambar 1
Jalan masuk ke Kampung Juasseh Tengah*

Selain itu, Juasseh mula mendapat nama apabila terdapat seorang lelaki miskin yang datang ke Juasseh Pusat dan sentiasa menyebut "Juasseh" di khalayak ramai yang bermaksud "jual saya" kerana ingin mendapatkan wang. Sejak daripada itu tempat tersebut diberi nama Juasseh oleh orang ramai.

SEJARAH RUMAH WARISAN

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal usul rumah, tahun, dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini

SEJARAH KAMPUNG JUASSEH TENGAH

Pada awalnya, Kampung Juasseh Tengah ini merupakan kawasan yang tidak mempunyai pemilik dan hutan sepenuhnya. Sebelum penjajahan Jepun, kawasan tersebut mula diterokai oleh Naam dan orang kampung. Permohonan tanah geran sementara telah dilaksanakan oleh orang kampung di pejabat daerah untuk memiliki tanah tersebut setelah diterokai.

Antara syarat-syarat untuk memiliki tanah ini ialah tanah ini telah diterokai, tidak mempunyai pemilik dan telah tinggal di kawasan tanah tersebut. Penduduk kampung mula membersihkan kawasan tanah tersebut dengan menggunakan tenaga kerja manusia dan haiwan untuk pembersihan tanah apabila permohonan tanah geran sementara itu telah diluluskan oleh pejabat daerah.

Rumah pertama yang dibina di kampung Juasseh Tengah ini ialah rumah Warisan Naam dan ia masih kekal hingga ke hari ini.



Gambar 2

Gambaran rumah Warisan Naam

SEJARAH TERATAK HAJAH ZAINAB



Gambar 3
Hajah Zainab Binti Abdullah
(Pemilik Asal)



Gambar 4
Juriah Mat Zain Binti Abdullah
(Pewaris)



Gambar 5
Pandangan rumah Teratak Hajah Zainab

Teratak Hajah Zainab merupakan rumah yang ketiga telah siap dibina pada tahun 1915 dan kini telah berusia 105 tahun. Abdul Manap Bin Haji Mahad dan Hajah Zainab Binti Abdullah merupakan pemilik asal rumah teratak ini. Abdul Manap Bin Haji Mahad merupakan suku Paya Kumbuh manakala Hajah Zainab Binti Abdullah daripada suku Seri Lemak Minangkabau. Kini, rumah ini telah menjadi hak milik Puan Juriah Mat Zain binti Abdullah dari suku Seri Lemak Minangkabau dan di bawah penjagaan Haji Abdul Malik bin Abdul Manap selepas pemilik rumah ini meninggal dunia. Asalnya, rumah ini berada di baroh yang bermaksud “menghadap

ke sawah” dan telah dipindahkan pada tahun 1954 di atas tanah pembelian iaitu milik suku Seri Lemak Minangkabau apabila terdapat jalan baru yang telah siap diturap. Menurut Hajah Rabiah, rumah ini dipindahkan dengan cara memisahkan rumah kepada dua bahagian lalu mengangkat sebahagian rumah secara bergilir-gilir.

Awalnya, rumah ibu diangkat terlebih dahulu dan ruang serambi diangkat kemudian secara beramai-ramai oleh orang kampung. Asalnya rumah ini mempunyai ruang selang dan rumah dapur



Gambar 6

Haji Abdul Malik dan isterinya Hajah Rabiah
(Penjaga Rumah Warisan)

tetapi disebabkan kayu di bahagian ruang dapur telah mereput menyebabkan ruang rumah dapur dirobohkan dan kini digantikan dengan ruang dapur konkrit. Menurut Haji Abdul Malik dan isterinya, Teratak Hajah Zainab ini telah dibina oleh datuknya Haji Mahad bin Naam yang merupakan seorang tukang kayu. Rumah ini dibina dengan bantuan alat seperti tali ukur kayu (inci), beliung (kapak), gergaji dan baji kayu. Pembinaan rumah ini telah menjadikan kayu-kayu hutan sebagai pilihan untuk dijadikan sebagai bahan untuk pembinaan rumah ini seperti pokok kayu seraya, kayu penak dan kayu resak.

Kayu-kayu tersebut diambil daripada hutan menggunakan kerbau dan tenaga kerja manusia. Bumbung asal rumah tersebut ialah atap rumbia sebelum ditukarkan kepada zink. Terdapat juga pantang larang di rumah ini seperti dilarang bersiul dan berlari di dalam rumah.

Keistimewaan rumah ini ialah mempunyai tiga jenis tingkap yang berbeza dari segi reka bentuk di bahagian ruang ibu dan ruang serambi, mempunyai tiang pecah empat dan tiang pecah lapan serta menggunakan kaedah pasak untuk pembinaan rumah. Bukan itu sahaja, rumah ini juga mengikut ciri-ciri rumah tradisional Negeri Sembilan yang mempunyai lentikan yang menyerupai seakan akan bentuk bumbung minangkabau.

SALASILAH KELUARGA HAJAH ZAINAB

